

Webinar Kemerdekaan (Bil. 1)

BAHASA JIWA BANGSA

Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan
Pengarah
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

Anjuran: Muzium Istana Negara
Universiti Teknologi MARA
Universiti Kebangsaan Malaysia



HAKIKAT BAHASA

Bahasa dilengkapkan kepada manusia secara fitrahnya:

1. al-Rahman: 1 – 4 (kemampuan bahasa kurniaan Allah)
2. al-Tin: 4 (insan makhluk istimewa dan sempurna)
3. al-Baqarah: 30 (yang dilantik menjadi khalifah Allah di muka bumi)

الرَّحْمَنُ ۝ عَلَّمَ الْقُرْآنَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ ۝
عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ۝ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ ۝ وَالنَّجْمُ

“Tuhan yang amat pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya, Dialah yang telah mengajarkan al-Qur’an. Dialah yang menciptakan manusia. Dialah yang memungkinkan manusia memberi dan menerima pernyataan (bahasa).”

(Al-Rahman, 1-4)

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ
فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

“Dan Allah mengajar Adam tentang nama segala kejadian.”

(Al-Baqarah, 31)

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ
أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا
كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

Ingatlah wahai Muhammad, ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam daripada tulang belakang mereka, dan Ia menjadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri sambil Ia bertanya dengan firman-Nya: Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar bahawa Engkaulah Tuhan kami; kami menjadi saksi. Dengan demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak: Sesungguhnya kami adalah lalai tentang hakikat ini.

(Al-A`raf,

172)

HAKIKAT BAHASA ...sambungan

Dalam perpesktif linguistik Barat, ada teori **Kenurunanian Bahasa** (*Language Inateness*), seperti yang dikemukakan oleh Noam A. Chomsky.

Teori itu mengemukakan adanya **Alat Pemerolehan Bahasa** (*Language Acquisition Device*) pada otak manusia yang normal.

Vico (abad ke-17/18) mempercayai adanya tahap bahasa yang wujud primordiallynya bersama Tuhan.

HAKIKAT BAHASA

...sambungan



وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْلَافُ اللِّسَانِ
وَالْوَنَائِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

“Dan antara tanda-tanda kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya termasuklah kejadian langit dan bumi dan perbedaan bahasa serta warna kulit dalam kalangan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan bagi orang yang berpengetahuan.” (al-Rum, 22)

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ
فِيضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ

“Tidak Kami utus seseorang rasul melainkan untuk mengajar melalui bahasa kaumnya sendiri, supaya menjadi mudah pemahaman mereka.”

(Ibrahim, ayat 4)

FUNGSI BAHASA SEBAGAI JIWA BANGSA



1. Sebagai asas pembentukan konsep diri manusia
2. Sebagai asas pengilmuan manusia
3. Sebagai perantaraan perhubungan sosial
4. Sebagai perantaraan pewarisan tamadun

Fungsi bahasa

Asas pembentukan konsep *diri manusia*:

1. Diri manusia terbahagi dua:

- diri yang zahir
- diri yang batin
(Bahasa terangkum dalam diri yang batin.)

2. Manusia dibedakan daripada haiwan dan dikenal sebagai *haiwan natiq* (*rational animal*) kerana adanya akal dan bahasa.

3. Diri yang hakiki telah terbentuk di alam roh bersama-sama dengan pengurniaan bahasa yang menjadi wasilah perjanjian/kontrak antara anak Adam dengan Allah (al-A`raf: 172) tersimpul dalam pepatah: "*Sesiapa yang kenal akan dirinya, maka kenallah ia akan Allah.*"

□ Asas pengilmuan manusia (individu dan masyarakat):

1. Nabi Adam dikurniai bahasa sebagai asas pengilmuan dirinya (al-Baqarah: 31) dan Allah sebagai pencipta memungkinkan manusia membaca (al-`Alaq: 1 - 5)

2. Dalam maratib ilmu menurut perspektif Islam, bahasa termasuk dalam tahap ilmu asas yang diperlukan untuk mendalami dan mengembangkan ilmu (al-Farabi, al-Ghazali dll.) – Tanpa ilmu bahasa tafsir dan takwil tidak dapat dilakukan.

3. Bahasa penting sebagai wasilah da`wah dan pengembangan ilmu kepada masyarakat melalui dua saluran, iatu lisan dan tulisan (Muhammad Natsir, Karim Zaidan, Hamka dll.)

□ Asas pembinaan dan penakatan tamadun

Pelbagai
tamadun
manusia

tumbuh dan berkembang seiring dengan pertumbuhan dan perkembangan bahasanya (Yunani, Islam, Cina dsb.).

Tamadun
Melayu

- dari zaman Sriwijaya pada abad ke-7 ditandai oleh peranan besar bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran kerajaan, bahasa perdagangan, bahasa pengajian dan *lingua franca*.

- mencapai zaman keemasan sesudah datangnya Islam paling lewat pada abad ke-13, dengan bahasa Melayu menjadi bahasa aqidah dan syariah, bahasa ilmu-ilmu lain, bahasa ketatanegaraan, bahasa undang-undang, bahasa diplomasi, bahasa perdagangan dll.

Bahasa Melayu yang diwarisi hingga kini terbentuk dalam era kebudayaan Melayu-Islam:

- Bentuknya yang baku (dalam hal bentuk kata dan susunan ayat) jauh berbeda daripada bahasa Melayu pada zaman kuno yang dipengaruhi oleh Bahasa Sanskrit dan tidak difahami lagi oleh orang Melayu kini.
- Islam mewariskan tulisan yang memungkinkan berkembangnya agama dan tradisi ilmu di seluruh alam Melayu
- Fahaman kebangsaan dengan pengertian umat Melayu Islam terbentuk dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*, bahasa ilmu dll.

Bahasa baku
(*fusha/standard*)

penting sebagai tonggak tamadun bangsa dan negara. Salah satu wasiat Hassan al-Bana ialah perlunya bahasa baku dipertahankan kerana ilmu perlu diolah dalam bahasa yang baku/baik.

PERANAN BAHASA MELAYU SEBAGAI TONGGAK TAMADUN ZAMAN BAHARU

Sejarah bahasa Melayu dalam pembinaan dan penakatan tamadun di alam Melayu (di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, Cambodia, Filipina)

Faktor bahasa dalam kebangkitan nasionalisme (“nasionalisme linguistik”)

Bahasa Melayu dalam proses “pembinaan negara” dalam era kemerdekaan

SKEMA PERANCANGAN PEMBINAAN NEGARA



DKK: Dasar Kebudayaan Kebangsaan
RLT: Rancangan Lima Tahun
DEB: Dasar Ekonomi Baru
DPN: Dasar Pembangunan Nasional
DPK: Dasar Pendidikan Kebangsaan
DBK: Dasar Bahasa Kebangsaan

LANGKAH

merealisasikan “Bahasa Jiwa Bangsa”



Perancangan Bahasa Melayu dan Pembinaan Negara (*Nation Building*)

Perancangan taraf bahasa (*status planning*)

Perancangan korpus atau sistem bahasa (*corpus planning*): ejaan, sebutan, kosa kata, tatabahasa, laras bahasa)

PERANCANGAN TARAF BAHASA

- Bahasa Kebangsaan

(Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 (1):

“Bahasa kebangsaan ialah **bahasa Melayu** dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen: Dengan syarat bahawa

(a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (**selain bagi maksud rasmi**), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain;

PERANCANGAN TARAF BAHASA

Bahasa rasmi

(Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 (6):

“Dalam perkara ini, “maksud rasmi” ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.”

PERANCANGAN TARAF BAHASA

Bahasa rasmi

(Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 (6):

“Dalam perkara ini, “maksud rasmi” ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.”

ISU DAN LANGKAH

Kelunturan dan Pelunturan Martabat Bahasa Melayu

1. Dalam zaman penjajahan –Bahasa Melayu diturunkan martabatnya sebagai bahasa vernakular
2. Senario semasa
 - Kemerosotan dalam aspek taraf
 - Kemerosotan dalam aspek mutu
 - Beberapa contoh senario semasa
 - Dampak globalisasi serta teknologi maklumat dan komunikasi
3. Langkah-langkah pemartabatan semula bahasa Melayu

Aspek Taraf Bahasa Melayu

1. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu belum digunakan dengan sewajarnya untuk memenuhi makna **“lambang kedaulatan negara, jati diri, perpaduan”**.
1. Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu masih belum digunakan sewajarnya dalam ranah:





3. Langkah-langkah pemartabatan bahasa Melayu

Di peringkat antarabangsa
(promosi dan pengaktifan
Majlis Antarabangsa Bahasa
Melayu (MABM))

Di peringkat serantau
(rekayasa institusi, bahasa Melayu supra,
peranan badan bukan kerajaan)

Di peringkat kebangsaan
(peneguhan dan pelaksanaan dasar, pemerkasaan
sekolah kebangsaan, pembudayaan bahasa, bahasa
Melayu tinggi, pengayaan khazanah ilmu dalam
bahasa Melayu, nilai ekonomi bahasa Melayu)

Sajak “Mitos Bahasa”

Kata yang empunya ceritera
kononnya bahasa Melayu
kosa kata asalnya hanya tiga patah
padi, besi dan babi
tiada sanadnya yang sah
tiada ketahuan nama perawi
enak dijadikan sendaan
tiada sedar kejahilan diri terdedah

Kata yang empunya ceritera
kononnya bahasa Melayu tiada berdaya
menyahut cabaran gelombang samudera
Lamun di paparan sejarah telah tertera
bahasa Melayu hebat sejak zaman Sriwijaya
menanjak gemilang membina mercu tanda
dalam zaman kesultanan di seluruh Nusantara
dimahkotakan sebagai bahasa sempurna
merentas ranah, sempadan dan bangsa

Kata yang empunya ceritera
seluruh dunia kini kononnya beralih paksi
kepada satu bahasa unggul sedunia nan tidak terperi
syarat menjadi bangsa maju dan akal yang bestari
Rupanya matanya kabur peribadinya lebur tidak bersaksi
di atas dan di bawah angin sekian banyak bangsa teguh
berdiri
memacu kemajuan menguasai ekonomi, ilmu dan teknologi
bertunjangkan kekuatan jati diri dan bahasa sendiri
memanfaatkan seperlunya bahasa dagang tanpa larut
makna diri

Mitos bahasa demi mitos bahasa
diciptakan dan direkayasakan
konon atas nama kemajuan bangsa dan negara
tiada insaf akan fitrah ketetapan Yang Berkuasa
mengurniai setiap bangsa dengan bahasa bukan sia-sia
memantapkan cita, membina akal budi dan meningkatkan wibawa
tidak kehilangan jejak dalam persaingan di pentas perdana
kerana kita perlu ada mata alamat yang nyata
mencapai puncak jaya dengan acuan dan citra wangsa

~ Awang Sariyan Kembara Bahasa~
Beijing, 21 April 2011